

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan sebelum
pukul 3.30 petang, 13hb September, 1974.

MENTERI PELAJARAN BERUCAP DI HARI UCAPAN

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, [Dr. Mahathir bin Mohamed, di upacara Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah SMJK Raja Perempuan, Ipoh pada 13hb September, 1974, jam 3.00 petang :

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terimakasih kepada Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga Pengelola Sekolah ini, Guru Besar, guru-guru dan murid-murid sekalian kerana telah sudi menjemput saya untuk berucap sepatah dua kata di Majlis Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah Sekolah ini pada petang ini. Sepatutnya Y.B. Encik Mohamed bin Yaacob, Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan dan bekas Menteri Pelajaran, menyampaikan ucapannya pada petang ini tetapi oleh kerana tugas beliau yang baru tidak mengizinkan ia hadir, saya terpaksa mengambil tugas ini. Walaubagaimanapun Y.B. Encik Mohamed bin Yaacob minta saya menyampaikan ucapan salam takzimnya kepada tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian.

Sesungguhnya hari ini merupakan hari pertama bagi saya sebagai Menteri Pelajaran menghadiri upacara yang resmi. Saya merasa gembira dan mengucap syukur kepada Allah kerana telah mendapat peluang ini, dan saya berharap benar upacara yang sama-sama kita hadiri pada petang ini akan meninggikan lagi semangat ibubapa dan murid-murid dalam usaha mencapai kemajuan pelajaran yang lebih tinggi.

Sebagaimana yang sama-sama kita ketahui bahawa Majlis Hari Ucapan dan Penyampaian Hadiah seumpama ini telah menjadi tradisi tiap-tiap buah sekolah di negara ini. Pada hari ini ibubapa dan anggota-anggota masyarakat serta sahabat-sahabat sekolah akan mendapat peluang untuk mengikuti perjalanan sekolah dan kemajuan pelajaran murid-murid secara lebih dekat. Pada masa ini juga ibubapa-ibubapa akan berpeluang bertemu dengan guru-guru dan pegawai-pegawai pelajaran dari Jabatan Pelajaran ataupun dari Kementerian Pelajaran. Oleh yang demikian jikalau ibubapa menggunakan peluang ini sepenuhnya saya berpendapat tidaklah sia-sia sahaja kita datang beramai-ramai pada petang ini, bahkan kita dapat mengetahui banyak perkara yang boleh menjadi panduan dan asas pertimbangan untuk memajukan pelajaran anak-anak kita di dalam dan di luar sekolah.

Saya merasa sukacita mendapat tahu bahawa sekolah ini yang telah mula ditubuhkan dalam tahun 1952 telah bertambah maju dari setahun ke setahun. Sekarang ia telah menjadi sebuah sekolah yang besar di bandar Ipoh dengan mempunyai lebih 1,400 orang murid dan 53 orang guru. Keputusan peperiksaan MCE dan LCE juga telah bertambah baik. Ini disebabkan guru-guru dan murid-murid sekolah ini adalah sedar tentang tanggungjawab mereka, dan ibubapa pula melalui Persatuan Ibubapa-Guru-guru telah memberi kerjasama yang sewajarnya. Pada hari ini kita akan melihat ramai murid-murid yang berjaya dalam pelajaran mereka dan mereka akan menerima hadiah-hadiah. Saya mengucapkan tahniah kepada murid-murid yang telah berjaya dengan cemerlang itu dan juga kepada guru-guru dan ibubapa kerana mereka telah bersungguh-sungguh memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada murid-murid dan anak-anak mereka. Saya berharap guru-guru, murid-murid dan ibubapa sekalian akan terus berusaha dengan penuh persefahaman dan kerjasama untuk mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada masa-masa akan datang.

(tambahan)

Saya mendapat tahu juga bahawa sekolah ini mempunyai lebih banyak kemudahan-kemudahan daripada setengah-setengah sekolah di kawasan-kawasan luarbandar. Murid-murid sekolah ini pergi sekolah dengan senang dan ramai daripada mereka datang ke sekolah dengan notokar. Guru-guru pula tidak tinggal jauh dari sekolah seperti yang terdapat di sekolah-sekolah di luarbandar dan di ulu-ulu. Murid-murid yang datang dari jauh pula diberi pertimbangan untuk tinggal di asrama jika ada tempat-tempat kosong. Dan saya mendapat tahu bahawa sekolah ini telah mendapat sebuah projek berupa asrama untuk menampung kira-kira 200 orang murid. Kemudahan-kemudahan seperti yang saya sebutkan itu banyak terdapat di bandar-bandar dan saya berasa kurang senang jikalau sekolah-sekolah yang mempunyai cukup kemudahan seperti yang saya katakan tadi tidak dapat mencapai kemajuan pelajaran yang lebih tinggi. Jikalau sekolah-sekolah ini tidak boleh meningkat maju, maka sebabnya mungkinlah ibubapa, guru-guru dan murid-muridnya tidak berusaha dengan cukup, dan apabila keadaan ini berlaku maka sia-sialah perbelanjaan rakyat yang berjuta-juta ringgit pada tiap-tiap tahun untuk pelajaran bagi sekolah-sekolah ini dan sekolah-sekolah yang seumpama dengannya. Saya berharap bahawa sekolah-sekolah yang mempunyai kelengkapan dan kemudahan-kemudahan yang mencukupi tidak menghampakan harapan Kerajaan serta ibubapa, dan saya memandang berat terhadap sekolah-sekolah yang mempunyai kemudahan-kemudahan itu tetapi tidak mencapai kemajuan yang sewajarnya.

Laporan keciciran telah menunjukkan sekolah-sekolah dari kawasan luarbandar adalah lebih banyak menghadapi masalah keciciran. Di antara sebab-sebab keciciran termasuklah faktor-faktor seperti kemiskinan, dorongan, sikap guru-guru terhadap murid-murid, kekurangan kemudahan dan asas yang lemah di sekolah rendah, keadaan kelas yang sempit dan lain-lain lagi. Saya berpendapat bahawa asas pelajaran yang kuat di sekolah rendah sebelum murid-murid berpindah ke sekolah menengah amatlah penting dan faktor-faktor seperti kemiskinan, dorongan, sikap, kemudahan fizikal adalah mempunyai pertalian yang positif dengan kemajuan pelajaran di peringkat sekolah rendah. Maka adalah menjadi salah satu tugas yang utama bagi saya untuk mencari jalan supaya kekurangan yang ada di sekolah-sekolah rendah terutamanya dari kawasan luarbandar dapat diperbetulkan dengan segera. Untuk maksud ini saya akan mengkaji pentadbiran sekolah-sekolah rendah di peringkat Kementerian dan di peringkat negeri dan jikalau perlu susunan pentadbirannya akan diperbaiki lagi supaya segala usaha untuk menbetulkan keadaan kekurangan di sekolah-sekolah rendah dapat berjalan dengan teratur dan berkesan.

Untuk mendapat maklumat yang tepat berkenaan dengan kedudukan sekolah-sekolah di luarbandar dan keadaan murid-muridnya saya akan menunpu lebih banyak masa dan tenaga untuk melawat ke sekolah-sekolah yang terpencil ini.

Ini bermakna bahawa saya tidak dapat membuat lawatan yang kerap kepada sekolah-sekolah di dalam bandar yang telah dapat banyak kemudahan seperti yang saya sebutkan tadi. Untuk sekolah-sekolah di dalam bandar saya akan mengkaji laporan-laporan berkenaan dengan peperiksaan dan lain-lain laporan yang dibuat oleh pihak yang mentadbir sekolah dan penyelia-penyelia sekolah.

(tambahan)

Kejayaan dalam peperiksaan akan menjadi ukuran semata sekolah telah menggunakan kemudahan-kemudahan yang diberi dengan cara yang berkesan. Selain daripada ini lapuran dari penyelia boleh memberi gambaran tentang perjalanan sekolah. Jika ini tidak mencukupi maka lain-lain lapuran akan diminta oleh saya dan pegawai-pegawai Kementerian. Saya juga akan kaji sebarang teguran yang dibuat terhadap mana-mana sekolah melalui suratkhobar dan lain-lain jurusan. Dan ini tentulah jelas bahawa pihak Kementerian dan saya sendiri akan dapat menurut kejayaan atau kemunduran sesebuah sekolah yang tidak terpencil dan tidak kurang kemudahan pentadbiran.

Ini tidak bermakna bahawa sekolah-sekolah tidak lagi dikehendaki mengadakan hari ucapan dan penyampaian hadiah dengan cara besar-besaran. Hari penyampaian hadiah merupakan kemuncak kepada usaha sesebuah sekolah sepanjang tahun. Di hari ini kejayaan sekolah dapat dipamerkan. Di hari ini juga ibubapa dapat melihat sekolah dan kebolehan sekolah dan kebolehan anak mereka sendiri. Mereka juga dapat bertemu dan beramah-tamah dengan guru-guru yang mendidik anak mereka.

Bagi masyarakat yang mengguna sekolah sebagai tempat yang anak mereka mendapat latihan hidup yang lebih berbahagia, kejayaan sekolah mereka patutlah menjadi satu perkara yang mereka banggakan. Oleh sebab ini sekolah patut mendekati diri dengan tokoh-tokoh tempatan dan mencari jalan supaya mereka identify diri mereka dengan sekolah dan kejayaannya. Di hari perayaan seperti ini orang tempatan patut diutamakan. Pihak yang mentadbir sekolah patut berusaha supaya antara sekolah dan masyarakat di sekeliling satu kerjasama yang rapat dapat dilahirkan.

Bagi pihak Kementerian, yang boleh dibanggakan ialah kejayaan dasar pelajaran secara umum. Tetapi bagi masyarakat di sesuatu tempat yang patut dibanggakan ialah kejayaan sekolah mereka. Satu semangat perlumbaan patut wujud di kalangan sekolah-sekolah supaya mereka berusaha mendapat tempat yang terbaik di segi kejayaan murid-murid. Masyarakat tempatan patut juga mendesak dan menggalak perlumbaan ini dan membanggakan dengan kejayaan sekolah mereka. Sebaliknya jika di antara sekolah-sekolah yang mendapat kemudahan yang sama, sekolah yang diguna oleh sesuatu masyarakat itu tidak mencapai kejayaan maka tokoh-tokoh dalam masyarakat itu patutlah mengambil berat dan menyoal keadaan di sekolah.

Dengan cara ini saya percaya bahawa pelajaran akan mendapat perhatian yang baik dari segenap pihak - dari Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran, dari pegawai, dari guru-guru, dari tokoh-tokoh tempatan, dari ibubapa dan juga murid-murid. Apabila kita sudah sampai kepada peringkat ini, maka kedudukan pelajaran dalam negara kita akan mencapai satu taraf yang sesuai dengan hasrat kita menjadikan negara kita negara yang cukup progresif dan maju dibanding dengan semua negara di dunia.

(tambahan)

Akhir kata saya suka mengingatkan murid-murid sekolah ini bahawa Kerajaan kita sentiasa memberi peluang yang sama kepada murid-murid perempuan dan laki-laki. Kerajaan percaya rakyat yang berpelajaran sahaja yang dapat menjamin kemakmuran dan keselamatan negara. Di dalam perayaan Hari Kebangsaan tahun ini kita telah melihat kaum wanita telah maju di dalam berbagai bidang seperti memegang jawatan sebagai anggota polis dan tentera, dan petani moden. Tidak kurang juga yang telah lulus pengajian tinggi sebagai ahli ekonomi, akauntan, jurutera dan sebagainya. Negara ingin melihat lebih ramai kaum wanita mengambil bahagian yang cergas di dalam pembangunan negara dan sekolah-sekolah menjadi tapak semaian untuk beliawanis-beliawanis itu tumbuh dan membesar menjadi kaum wanita dewasa yang berpelajaran, bertanggungjawab dan berguna kepada negara. Walaubagaimanapun saya tidak lupa mengingatkan mereka bahawa sebagai kaum perempuan mereka tidak dapat lari dari memainkan peranan sebagai ibu apabila berumah tangga. Ajaran agama Islam mengatakan bahawa "Syurga adalah di bawah tapak kaki ibu". Dengan denikian seorang ibu yang dapat memberi didikan dan kasih sayang kepada anak-anak nya dengan cukup, akan lebih mudah dapat menjamin kebahagiaan hidup anak-anaknya. Maka saya berharaplah kepada semua murid-murid perempuan supaya di samping menuntut ilmu pengetahuan khususnya di bidang sains dan teknologi, mereka janganlah lupa menitikberatkan pelajaran seperti urusan rumah tangga, agama dan akhlak bagi menikmati hidup yang 'balanced' atau seimbang apabila dewasa kelak.

Sekianlah ucapan saya, lagi sekali saya mengucapkan terimakasih dan saya berdoa noga-noga sekolah ini akan terus maju ke peringkat yang lebih tinggi lagi.

KUALA LUMPUR,
12hb September, 1974.

(dikeluarkan pada pukul 9.00 malam)

TMM/lbh